



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA:  
UNDANG-UNDANG DAN AMALAN**

**KOD KURSUS : DSM3193**

**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjurusan atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjurusan bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **16** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Siapakah pihak-pihak yang terlibat dalam perhubungan perindustrian?
  - A Kerajaan dan organisasi
  - B Kerajaan dan peranan negara
  - C Majikan dan organisasi mereka
  - D Pekerja dan organisasi mereka
  
2. Pasangan manakah yang **betul** tentang penubuhan kesatuan sekerja dari tahun 1946 hingga 1947?

	Tahun	Peristiwa
<b>A</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Kesatuan Malaya 1940 telah dilaksanakan.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berlaku mogok.</li> </ul>
<b>B</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 telah dikuatkuasakan di Tanah Melayu.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Penasihat Kesatuan Sekerja diwujudkan.</li> </ul>
<b>C</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesatuan Sekerja Pan Malayan Kebangsaan ditubuhkan.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Kesatuan Sekerja 1940 ditubuhkan dan tidak lama selepas itu kerajaan British telah membuat pindaan.</li> </ul>
<b>D</b>	1946	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berlaku mogok yang dilakukan oleh kongsi-kongsi gelap.</li> </ul>
	1947	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Jabatan Kesatuan Sekerja untuk mengekang kejadian mogok dari terus terjadi.</li> </ul>

3. Apakah alasan yang mungkin menyebabkan perhubungan perusahaan tidak boleh wujud tanpa kesatuan sekerja?
- A Kesatuan sekerja digunakan untuk menyelesaikan masalah.
  - B Organisasi membantu pekerja mencapai matlamat yang mereka ingini.
  - C Majikan mempunyai hak yang sama untuk melindungi apa-apa yang mereka rasakan sebagai penting untuk dilindungi.
  - D Majikan berhubung dengan pekerja dalam soal penetapan objektif, sistem kerja, pembahagian keuntungan dan pemberian pampasan.
4. Kenapakah penawaran bersama penting dalam peraturan kerja?
- A Melindungi pekerja daripada dieksploitasi oleh pihak majikan.
  - B Penawaran bersama menyebabkan wujudnya kesatuan sekerja.
  - C Mempertahankan hak majikan daripada disalah gunakan oleh pekerja.
  - D Memastikan pihak pekerja dan majikan melaksanakan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab.
5. Bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia boleh meningkatkan keboleherjaan tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara?
- A Melaksanakan kawalan analisis pasaran buruh.
  - B Mengemas kini dan melaksanakan dasar latihan vokasional kebangsaan.
  - C Menyokong kewujudan peluang-peluang pekerjaan dan penempatan kerja.
  - D Menggalakkan pembangunan dan pergerakan kesatuan sekerja untuk memberikan faedah kepada negara.
6. Sebagai Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah berjaya meneroka bidang baharu dalam perhubungan perusahaan dengan membangunkan Indeks Keharmonian Perusahaan (IHI) bagi mengukur dimensi keharmonian perusahaan Malaysia. Apakah dimensi berkenaan?
- i. Keamanan
  - ii. Keterhubungan
  - iii. Hubungan memupuk
  - iv. Keakraban antara pekerja dan majikan

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

7. Pernyataan 1 ialah visi Kementerian Sumber Manusia.


“Peneraju pembangunan dan pengurusan sumber manusia Negara”.

**Pernyataan 1**

Sebagai warga Kementerian, bagaimanakah anda memastikan bahawa Kementerian Sumber Manusia boleh mencapai visi berkenaan?

- A Keamanan
  - B Produktiviti
  - C Tripartisma
  - D Jaringan keselamatan
8. Antara berikut, yang manakah **tidak** akan dibincangkan oleh jawatankuasa kesatuan sekerja?
- A Upah dan elaun
  - B Sambutan perayaan
  - C Aktiviti sukan dan kesihatan.
  - D Kemudahan keselamatan dan air minuman.
9. Apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebagai wakil pekerja di Malaysia dalam menjamin hak dengan kebajikan pekerja?
- A Melaksanakan polisi keselamatan pekerja.
  - B Memberikan dana untuk pembangunan projek kesatuan.
  - C Membantu kesatuan dalam proses penubuhan kesatuan sekerja.
  - D Pengantaraan dalam menangani rungutan pekerja di antara majikan dan pekerja.

10. Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri kesatuan sekerja swasta.



Rajah 1

Apakah yang diwakili oleh X?

- A Kesedaran pekerja
- B Mewujudkan integrasi kaum
- C Terdapatnya jawatankuasa sendiri
- D Membina pekerja yang berdaya saing

11. Apakah tindakan majikan yang dianggap bertentangan dengan kebebasan berkesatuan?

- A Menghalang pekerja dari menghampiri premis.
- B Diskriminasi terhadap penurunan pangkat pekerja.
- C Memberhentikan pekerja atas alasan bergaduh dalam waktu bekerja.
- D Memujuk pekerja untuk menjadi ahli kesatuan di tempat perniagaan majikan.

12. Sebagai majikan, bagaimanakah gaji seseorang pekerja itu dinilai?

- i. *Multitasking*
  - ii. Berfikir secara kreatif dalam menjalankan tugas.
  - iii. Berkebolehan menggunakan sistem teknologi maklumat.
  - iv. Mementingkan output dalam melaksanakan tugas.
- A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv

13. Tatacara penubuhan dan pendaftaran kesatuan sekerja menyatakan perubahan kesatuan sekerja hendaklah dimulakan dengan
- A mengisi borang permohonan (Borang B).
  - B melaksanakan pelantikan Pengerusi Kesatuan Sekerja.
  - C mengadakan mesyuarat penubuhan kesatuan sekerja dalam kalangan pekerja.
  - D membuat pendaftaran kesatuan sekerja dalam tempoh satu bulan dari tarikh penubuhan.
14. Kesatuan Sekerja Serumpun dalam proses melantik Ahli Jawatankuasa kesatuan berkenaan. Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh Kesatuan Sekerja Serumpun untuk memilih dalam kalangan ahlinya menjadi Ahli Jawatankuasa Kesatuan?
- A Melaksanakan undi sulit.
  - B Memilih pekerja yang berstatus *seniority*.
  - C Membuat pilihan dengan cara angkat tangan.
  - D Melakukan pilihan raya kecil dalam kalangan ahli kesatuan.
15. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh kesatuan sekerja setelah mendapat pengiktirafan?
- A Memohon status untuk berkesatuan.
  - B Memohon untuk terlibat dalam 'tutup pintu'.
  - C Terlibat dalam perundingan bersama-sama dengan majikan.
  - D Memohon untuk disebut sebagai 'kesatuan di tempat kerja'.

16. Manakah antara berikut, merupakan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pekerja yang menjadi ahli kesatuan sekerja apabila mencapai umur 21 tahun?

- i. Melaksanakan pertikaian perusahaan.
- ii. Layak dipilih sebagai anggota eksekutif kesatuan.
- iii. Boleh memasuki mana-mana kesatuan mengikut jenis pertubuhan.
- iv. Berhak mengundi dalam proses yang tidak melibatkan keputusan kesatuan.

- A** i dan ii  
**B** i dan iv  
**C** ii dan iii  
**D** iii dan iv

17. Maklumat berikut menunjukkan proses dalam mengemukakan pengiktirafan kesatuan.

- |  |
|--|
| <p><b>P</b> – Salinan asal Borang A dikemukakan<br/><b>Q</b> – Kesatuan sekerja berdaftar<br/><b>R</b> – menuntut pengiktirafan majikan<br/><b>S</b> – menghantar pos berdaftar kepada majikan</p> |
|--|

Pilih jawapan yang tepat tentang proses mengemukakan pengiktirafan.

- A** P S Q R  
**B** P R S Q  
**C** R Q P S  
**D** R P Q S

18. Apakah yang dimaksudkan 'perundingan bersama'?
- A Proses di mana kesatuan merekrut anggota baharu.
  - B Proses di mana kesatuan berunding dengan pembekal untuk penyediaan bangunan dan perabot.
  - C Suatu proses di mana kesatuan bertemu dengan kesatuan lain untuk membincangkan pengambilan pekerja.
  - D Suatu proses di mana sebuah kesatuan berunding dengan majikan bagi pihak anggotanya yang bersangkutan berkenaan terma dan syarat pekerjaan.
19. Kesatuan sekerja anda akan mengadakan rundingan bersama tidak lama lagi. Apakah yang anda boleh lakukan, supaya cadangan rundingan bersama anda diterima oleh pihak majikan tanpa wujudnya pertikaian?
- A Pihak kesatuan boleh memberikan beberapa cadangan alternatif yang terbaik.
  - B Kesatuan sekerja perlu melakukan kajian tentang keadaan ekonomi semasa sebelum menghadiri rundingan.
  - C Kesatuan perlu memastikan bahawa cadangan rundingan bersama hanya yang melibatkan syarat dan terma perkhidmatan.
  - D Pihak kesatuan perlu menghindari daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan perbalahan dan ancaman terhadap pihak majikan.



20. Gambar 1 adalah tentang upacara menandatangani perjanjian bersama.



**Gambar 1**

Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Syarikat Proses Getah Wilkinson dalam memastikan rundingan bersama mencapai persetujuan dan seterusnya memeterai perjanjian kolektif dengan ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Syarikat Pengeluaran Getah?

- i. Menyediakan senarai permintaan keperluan yang diperlukan oleh pekerja.
- ii. Rundingan bersama perlu dimulakan dahulu oleh pihak kesatuan.
- iii. Mengenal pasti tuntutan yang mungkin dikemukakan oleh kesatuan sekerja.
- iv. Penetapan isu tawar-menawar yang akan dibincangkan oleh pihak kesatuan.

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

21. Pernyataan 2 adalah Artikel 25 dalam Perjanjian Bersama di antara FELDA Bulkiers Sdn. Bhd. dengan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja FELDA Bulkiers Sdn. Bhd. (Sabah).

'Kenaikan pangkat/gred petugas atas budi bicara Syarikat dan dengan kelulusan Pegawai yang diwakilkan kuasa menurut ketetapan Syarikat'.

**Pernyataan 2**

Apakah maksud yang ingin disampaikan dalam pernyataan di atas?

- A** Syarikat boleh mewakili kesatuan sekerja dalam proses kenaikan pangkat pekerja.
- B** Kesatuan tidak boleh memaksa majikan untuk menaikkan mana-mana gred pekerja.
- C** Keperluan pengisian jawatan pada kedudukan jawatan lebih tinggi boleh ditentukan dalam rundingan kolektif.
- D** Kesatuan dan majikan perlu bekerjasama dalam membuat keputusan tentang keperluan kenaikan pangkat pekerja.

22. Gambar 2 merupakan perjanjian kolektif yang telah mendapat pengiktirafan daripada Mahkamah Perusahaan.



Gambar 2

Mengapakah sesuatu perjanjian kolektif perlu mendapatkan pengiktirafan daripada pihak Mahkamah Perusahaan?

- A Perjanjian kolektif akan terpakai untuk mengikat di antara pihak majikan dengan kesatuan sekerja.
- B Untuk diguna pakai oleh pihak majikan dan kesatuan sekerja dalam membentuk terma yang lebih baik.
- C Perjanjian kolektif melambangkan persetujuan terhadap terma dan syarat perkhidmatan di antara majikan dengan kesatuan.
- D Membolehkan pihak mahkamah mengambil tindakan yang wajar sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap perjanjian kolektif.

23. Apakah ciri seorang mediator yang berkualiti?

- A Tidak berat sebelah
- B Sentiasa bertolak ansur
- C Bekerja mengikut minat pekerja
- D Mendahului kepentingan kerajaan

24. Kesatuan Sekerja Sebeli mempunyai ahli seramai 498 orang. Untuk mendapatkan persetujuan bagi mengadakan mogok, berapa ramaikah ahli yang diperlukan?

- A 166 orang
- B 249 orang
- C 332 orang
- D 498 orang

25. Pihak pengurusan boleh mendapatkan manfaat daripada berlakunya mogok sekiranya
- A mereka mempunyai perbelanjaan modal berterusan yang rendah.
  - B mempunyai akses dalam penggunaan peralatan automatik.
  - C mereka mempunyai stok dan inventori yang tinggi.
  - D operasi firma lain juga telah ditutup.
26. Mengapakah kerajaan memperuntukkan pertikaian perdagangan dalam Bahagian IX Akta Perhubungan Perindustrian 1967?
- A Untuk mengelakkan mogok haram.
  - B Memberi kelegaan kepada pekerja dalam hal pemberhentian dan pemecatan yang salah.
  - C Untuk mempromosikan langkah-langkah bagi menjamin dan memelihara hubungan yang baik di antara majikan dengan pekerja.
  - D Semua di atas.
27. Manakah antara berikut merupakan kes yang dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian?
- i. Pekerja telah dijatuhkan hukum penjara atas sebab kes pecah amanah.
  - ii. Pekerja diancam untuk dcederakan kerana terlibat dalam aktiviti kesatuan.
  - iii. Perbezaan pandangan antara kesatuan dan majikan dalam mentafsir perjanjian kolektif.
  - iv. Majikan membuat tuntutan balas selepas tuntutan majikan tidak menyebelahi pihaknya.
- A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv

28. \_\_\_\_\_ adalah penutupan sementara iaitu usaha majikan bertujuan memaksa pekerja untuk menerima permintaan majikan.
- A Mogok
  - B *Lay-off*
  - C *Lock out*
  - D Pemberhentian
29. Berapakah jumlah hari pihak majikan tidak memberikan sebarang kerja yang sepatutnya kepada pekerja, yang membolehkan seseorang pekerja itu telah disifatkan sebagai *lay-off*?
- A 12 hari minimum
  - B 4 minggu minimum
  - C 30 hari maksimum
  - D 42 hari maksimum

30. Syarikat Pandan Wangi mempunyai agenda untuk mengurangkan pekerja di bahagian operasi. Berikut merupakan maklumat beberapa orang pekerja yang tersenarai untuk diberhentikan.

i.	Cik Janet	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bekerja sebagai penyambut tetamu.</li><li>• Telah bekerja selama 10 tahun</li></ul>
ii.	Encik Ramesh	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatan beliau adalah <i>quality control operator</i></li><li>• Berpengalaman selama 15 tahun</li></ul>
iii.	Encik Jyoung	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bukan warganegara</li><li>• Telah bekerja selama 15 tahun</li><li>• Bekerja sebagai operator pengeluaran</li></ul>
iv.	Cik Tipah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bekerja sebagai penyelia operasi</li><li>• Telah bekerja selama 4 tahun.</li></ul>

Sekiranya majikan menggunakan prinsip *last in first out*, siapakah yang akan diberhentikan kerja terlebih dahulu?

- A i dan iii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

a. Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pegawai kesatuan sekerja untuk menggalakkan pekerja menyertai kesatuan sekerja.

(12 markah)

b. Pada pengetahuan anda, bagaimanakah cara pihak majikan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan pekerja-pekerja tanpa perlu wujudnya kesatuan sekerja?

(8 markah)

**SOALAN 2**

Pernyataan 3 adalah berkaitan dengan pengiktirafan kesatuan sekerja

PUTRAJAYA – Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) berjaya menyelesaikan isu tuntutan pengiktirafan dan perjanjian kolektif yang berlarutan selama 10 tahun antara RHB Bank Berhad dan Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad.

*Sumber: Kosmo, 11 Mei 2021*

**Pernyataan 3**

- a. Apakah yang boleh menyebabkan RHB Berhad tidak memberikan pengiktirafan kepada Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad?

(6 markah)

- b. Sekiranya anda diminta untuk membantu Kesatuan Eksekutif RHB Bank Berhad dalam menuntut pengiktirafan daripada majikan, apakah yang akan anda lakukan?

(14 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**